



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN HALA TUJU *CHASE CITY*

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
2025-2029



© Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) 2025

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diamanatkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan di Wilayah Persekutuan. Visi dan Misi Jabatan ini menjurus tentang kebertanggungjawaban Jabatan Wilayah Persekutuan untuk merancang, menyelaras, melaksana memantau, dan menilai kemajuan dan pembangunan yang mampan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Labuan, dan kawasan pembangunan Kampung Bharu.

HAKCIPTA TERPELIHARA

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Jabatan Wilayah Persekutuan.




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Jabatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Blok 1 & Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel: +603 - 8000 8000 | +603 - 8889 7957
Laman Web: www.jwp.gov.my

Kandungan

Petikan Ucapan	1
Pengenalan	3
Sejarah Pentadbiran Wilayah Persekutuan	5 - 6
Fungsi dan Punca Kuasa Jabatan Wilayah Persekutuan	7 - 8
Pemegang Taruh (<i>Stakeholders</i>) dan Pelanggan Jabatan Wilayah Persekutuan	9
Analisis SWOT Pelan Hala Tuju CHASE City Jabatan Wilayah Persekutuan	10 - 11
Kekuatan (<i>Strengths</i>)	
Kelemahan (<i>Weaknesses</i>)	
Peluang (<i>Opportunities</i>)	
Ancaman (<i>Threats</i>)	
Hala Tuju dan Visi Wilayah Persekutuan.	12
“VISI - CHASE City”	13 - 14
Penerangan Logo CHASE City	15 - 17
Pelan Hala Tuju CHASE City Jabatan Wilayah Persekutuan 2025-2029	18
Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City	19
Tumpuan kepada kerangka “Menaikkan Siling” dan “Meningkatkan Lantai” di bawah Ekonomi MADANI	20 - 21
Kluster Sejahtera@WP dan Kluster PUJI@WP	22 - 23
Pendekatan dan Matlamat Kerangka Pelan	24
Malaysia Pengerusi ASEAN 2025 dan kaitan dengan Kerangka Pelan	25
Inisiatif dan Pelan Tindakan di bawah Pelan Hala Tuju CHASE City	26
Ringkasan Inisiatif Kerangka Pelan	27
<i>Clean City</i>	28 - 31
<i>Healthy City</i>	32 - 36
<i>Advance City</i>	37 - 43
<i>Safe City</i>	44 - 48
<i>Eco Friendly City</i>	49 - 54
Pemboleh Daya	55 - 58
Fokus Tahun 2025	59 - 60
Penutup	61

The background features a light blue gradient. On the left, there is a large, semi-transparent white square. Overlaid on this and the background are several concentric, multi-colored arcs in shades of yellow, green, blue, and orange. At the bottom left, a circular diagram is partially visible, showing concentric rings and radial lines. A large, light blue arrow points from the top left towards the bottom right, passing behind the title. The title 'Petikan Ucapan' is centered in a bold, dark blue font.

Petikan Ucapan

“Ia perihai mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan dua tumpuan utama iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, dan akhirnya memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.”

YAB DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri Malaysia

Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat

27 Julai 2023 di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

“Secara asasnya tumpuan Wilayah Persekutuan adalah untuk melonjakkan ekonomi, reformasi dan struktur semula ekonomi serta menempatkan semula Wilayah Persekutuan khususnya sebagai hab serantau sekaligus menyokong kepada kemampanan model ekonomi negara.

Misi utama saya untuk menjadikan ketiga tiga Wilayah Persekutuan sebagai *CHASE City*, iaitu *CLEAN City* (bandar bersih), *HEALTHY City* (bandar sihat), *ADVANCE City* (bandar maju), *SAFE City* (bandar selamat) dan *ECO FRIENDLY City* (bandar mesra alam).

YB DR. ZALIHA MUSTAFA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)

Majlis Aspirasi 2024: Bersama Memacu Wilayah Persekutuan Sejahtera

22 Februari 2024 di Putrajaya


“Kemajuan dan kemakmuran Wilayah Persekutuan sepatutnya menjadi contoh kepada negeri-negeri di Malaysia. Kehidupan rakyat yang sejahtera dan harmoni adalah hasil usaha semua pihak yang menyumbang kepada komuniti Malaysia MADANI. Ini tercapai menerusi masyarakat yang mampu berdaya saing, berani melakukan pembaharuan dan pengupayaan modal insan, berjaya memantapkan kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar serta berupaya memiliki kekuatan moral dan belas ihsan.”

YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Majlis Amanat Ketua Pengarah

16 November 2023 di Atrium Menara Seri Wilayah



Pengenalan

Pelan Hala Tuju CHASE *City* Jabatan Wilayah Persekutuan (Kerangka Pelan) merupakan satu pelan hala tuju yang diterajui Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersama-sama dengan agensi-agensi di bawah kawal seliaannya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Labuan (PL), Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP). Kerangka Pelan ini meletakkan gagasan Malaysia MADANI sebagai tonggak utama dalam menawarkan satu rangka solusi yang diperlukan oleh warga dan generasi masa depan Wilayah Persekutuan.

Kerangka Pelan ini adalah panduan mengurus Wilayah Persekutuan dalam konteks kerangka dasar "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat" dengan matlamat utama dibangunkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ekonomi Madani yang telah diinspirasi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dijadikan sebagai asas mendukung usaha Membangun Negara MADANI menerusi nilai-nilai utama yang perlu dikongsi bersama, teras strategik, dan fokus keutamaan tindakan dalam usaha menyasarkan kemakmuran Malaysia secara mampan dan melindungi kesejahteraan rakyat dalam erti masyarakat yang maju, terampil dan terangkum.

Kerangka Pelan ini telah dirangka bertepatan untuk memenuhi ciri-ciri keperluan pembangunan ekonomi negara dalam kerangka rumah Ekonomi MADANI seperti dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Kerangka Rumah Ekonomi MADANI

Kerangka Pelan ini dirangka sebagai komitmen kebolehsaingan bagi membantu membina kejayaan pembangunan ekonomi di Wilayah Persekutuan yang selaras dengan tekad kerajaan menstruktur semula ekonomi agar Malaysia menjadi peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat bagi tahun 2025 sehingga tahun 2029.

Sejarah Pentadbiran Wilayah Persekutuan



1979

Penubuhan Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Wilayah Lembah Klang.

Bahagian di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri yang beroperasi sebagai Unit Perancangan Lembah Klang.

1981

2004

Penyusunan semula Jemaah Menteri pada 27 Mac 2004 telah menyaksikan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ditubuhkan untuk memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Bermula 23 Oktober 2009, fungsi dan tanggungjawab KWP diperkukuh dan diperluaskan untuk membasmi kemiskinan bandar seluruh negara dan melaksanakan program kesejahteraan bandar.

2009

2013

Pada 15 Mei 2013, fungsi kesejahteraan bandar bagi bandar seluruh negara telah dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan pemindahan fungsi ini, fokus KWP terus menjurus kepada perancangan pembangunan dan kesejahteraan di Wilayah Persekutuan.

Fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah diperluaskan dengan kemasukan 3 agensi baharu iaitu; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

2019

2020

Fungsi agensi iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Landskap Negara (JLN) dikembalikan semula kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah distruktur semula menjadi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

2023

Fungsi dan Punca Kuasa Jabatan Wilayah Persekutuan

Fungsi dan punca kuasa Jabatan Wilayah Persekutuan adalah berasaskan kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan ["P.U. (A) 27/2023" dan "P.U. (A) 20/2024"] yang memperuntukkan agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan serta menjalankan fungsi Jabatan Wilayah Persekutuan seperti berikut:



Fungsi

Jabatan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksana, memantau, dan menilai kemajuan dan pembangunan yang mampan dengan fokus kepada:

1. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan, memantau dan menetapkan dasar-dasar bagi kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
2. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau dasar-dasar mengenai kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan;
3. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
4. Dasar-dasar mengenai hal ehwal bandar raya Kuala Lumpur, bandar Putrajaya dan bandar Labuan;
5. Dasar-dasar mengenai kadar-kadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan; dan
6. Perintah tahanan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Punca Kuasa

Agensi yang berada di bawah JWP sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada P.U. (A) 27/2023 dan P.U. (A) 20/2024 adalah seperti berikut:

1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP);
2. Perbadanan Putrajaya (PPj);
3. Perbadanan Labuan (PL);
4. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP);
5. Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB); dan
6. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



P.U. (A) 27/2023 dan P.U. (A) 20/2024 turut menyenaraikan pelaksanaan fungsi dan kuasa Menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan di bawah undang-undang yang berikut:

1. Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190];
2. Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1971 [Akta 59];
3. Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267];
4. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493];
5. Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [Akta 626];
6. Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536];
7. Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609];
8. Akta Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu 2011 [Akta 733];
9. Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2007 [Akta 667];
10. Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1998 [Akta 581];
11. Akta Air 1920 [Akta 418];
12. Ordinan Pelesenan Perdagangan 1949 [Sabah Bab 144]; dan
13. Ordinan Pengangkutan 1960 [Sabah No.23/1960].

Pemegang Taruh (*Stakeholders*) dan Pelanggan Jabatan Wilayah Persekutuan

Pemegang Taruh (*Stakeholders*)

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan program yang mana kebiasaannya adalah merupakan pihak yang membuat dasar terhadap program atau yang boleh mempengaruhi dasar terhadap program. Pemegang taruh terdiri daripada pemegang taruh langsung dan tidak langsung. Dalam konteks JWP, pemegang taruh langsung dan tidak langsung adalah seperti berikut:

Langsung	Tidak Langsung
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	Kementerian/ Jabatan/ Agensi Lain
Jemaah Menteri	Ahli Parlimen
Ketua Setiausaha Negara	Pentadbiran Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan
	Pentadbiran Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan (Yang Bersempadanan Dengan Wilayah Persekutuan)
	Lembaga Pengarah Dan Lembaga Penasihat Agensi Bawah JWP
	Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Pelanggan

Pelanggan merupakan individu atau organisasi yang menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Fokus utama JWP adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan langsung yang telah dikenal pasti. Dalam konteks JWP, pelanggan langsung dan tidak langsung adalah seperti berikut:

Langsung	Tidak Langsung
Warga Wilayah Persekutuan (Termasuk Persatuan Penduduk, Atlet, Persatuan Sukan dan Persatuan Penjaja	Perwakilan / Organisasi Asing Dan Antarabangsa
Sektor Swasta/ Masyarakat Niaga	Warga Asing
	Lembaga Pengarah Dan Lembaga Penasihat Agensi Bawah JWP
	Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Analisis SWOT Pelan Hala Tuju CHASE City Jabatan Wilayah Persekutuan

Kekuatan (Strengths)

- 1 Pengurusan atasan dan semua pegawai serta kakitangan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan sistem pengurusan yang berkualiti.
- 2 Majoriti pegawai dan kakitangan mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai dasar-dasar yang sedang dilaksanakan dan objektif-objektif yang hendak dicapai.
- 3 Tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan terhadap masalah amat berkesan.
- 4 Penambahbaikan yang berterusan diamalkan menggunakan data-data dan teknologi terkini.
- 5 Kawalan-kawalan operasi telah dirancang dan dibangunkan.
- 6 Sumber-sumber telah digunakan hingga menghasilkan kepuasan pelanggan.
- 7 Penyertaan agensi - agensi baharu telah mengukuhkan kekuatan Jabatan selaku peneraju pemodenan bandar.
- 8 Wilayah Persekutuan merupakan wilayah yang menjadi tumpuan pelabur dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pentadbiran negara.
- 9 Komposisi populasi daripada pelbagai kaum dan budaya serta keadaan politik yang stabil dan matang.
- 10 Pusat bagi sektor pentadbiran, perkhidmatan dan perniagaan.
- 11 Kemudahan infrastruktur fizikal, pengangkutan dan teknologi maklumat yang moden dan menyeluruh di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kelemahan (*Weaknesses*)

- 1 • Pertukaran keluar tenaga kerja pakar.
- 2 • Penyelarasan skop dan fungsi dengan Kementerian/Jabatan dan agensi lain.

Peluang (*Opportunities*)

- 1 • Penjanaaan hasil ekonomi baharu di Wilayah Persekutuan.
- 2 • Kuala Lumpur sebagai penanda aras bandar mampan di Malaysia.
- 3 • Kuala Lumpur adalah Ibu Negara dan Putrajaya adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Ancaman (*Threats*)

- 1 • Sumber yang terhad untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan perbandaran yang bertaraf dunia.
- 2 • Kebanjiran warga asing di Wilayah Persekutuan dan aktiviti ekonomi yang didominasi oleh golongan tersebut menyekat peluang warga tempatan serta menjejaskan aktiviti ekonomi warga tempatan.
- 3 • Peningkatan kos sara hidup bandar menjurus kepada permasalahan sosial.
- 4 • Peningkatan nilai hartanah menyebabkan kesukaran bagi pemilik rumah golongan B40 dan ke bawah.
- 5 • Amalan pembangunan yang tidak mampan dan menjejaskan kualiti alam sekitar.



Hala Tuju Wilayah Persekutuan



“ VISI- CHASE CITY ”

Fokus utama terhadap ketiga-tiga Wilayah Persekutuan adalah untuk menjadikan Wilayah Persekutuan negeri yang berdaya huni (*liveable city*). Visi utama Wilayah Persekutuan adalah untuk menjadi bandar yang maju dan sejahtera serta dapat menyediakan persekitaran yang selesa, selamat, dan berkualiti untuk penduduknya.

Selaras dengan perkara tersebut, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah menyatakan hasratnya untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai suatu bandar unggul yang boleh dijadikan sebagai penanda aras atau *benchmark* kepada bandar-bandar lain di Malaysia. Lanjutan daripada perkara tersebut, maka lahirlah visi baharu Wilayah Persekutuan melalui akronim CHASE City yang mana ianya berpaksikan kepada gagasan Malaysia MADANI sebagai tonggak utamanya.

Matlamat utama visi CHASE City ini ialah untuk memajukan Wilayah Persekutuan yang berfokuskan kepada pembangunan mampan, inovasi teknologi, dan kesejahteraan masyarakat dengan visi untuk mewujudkan Wilayah Persekutuan yang bersih, sihat, maju, selamat dan mesra alam.

CHASE City adalah akronim kepada;



C ialah *Clean City*;



H ialah *Healthy City*;



A ialah *Advance City*;



S ialah *Safe City*; dan



E ialah *Eco Friendly City*.



Bandar yang membudayakan **amalan kebersihan** dan mempunyai nilai estetika yang dapat meningkatkan kesejahteraan hidup

Bandar yang dilengkapi dengan **infrastruktur dan persekitaran sosial terancang** bagi menggalakkan **pembudayaan gaya hidup sihat** ke arah peningkatan kualiti hidup



*CHASE
INNOVATION,
LEAD THE
FUTURE.*



Bandar yang **mengadaptasi teknologi terkini dan membudayakan inovasi** sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup

Bandar yang dilengkapi dengan **infrastruktur dan persekitaran yang dapat menjamin keselamatan** serta meningkatkan rasa selamat dalam kalangan masyarakat



Bandar yang **mengintegrasikan alam sekitar dan aktiviti pembangunan** bagi mewujudkan persekitaran lestari ke arah peningkatan kualiti hidup

Penerangan Logo CHASE City

Rekabentuk lambang CHASE City ini dihasilkan sebagai simbol identiti bagi visi CHASE City, yang diasaskan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Logo "CHASE CITY" ini menggabungkan elemen-elemen utama yang melambangkan aspirasi, identiti, dan nilai-nilai yang mewakili Wilayah Persekutuan, iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan.



Elemen Logo

Logo "CHASE CITY" menggabungkan elemen penting yang mencerminkan aspirasi, identiti, dan nilai Wilayah Persekutuan (KL, Putrajaya, dan Labuan):

Warna kelopak diilhamkan oleh *Sustainable Development Goal* (SDG), mencerminkan komitmen terhadap pembangunan lestari.

Simbol bunga kebangsaan yang mewakili patriotisme, kesatuan, dan warisan budaya.

Simbol bunga kebangsaan yang mewakili patriotisme, kesatuan, dan warisan budaya.



Bunga Raya (Hibiscus)

Kuala Lumpur: Menara pencakar langit yang melambangkan kemerdekaan.

Putrajaya: Gerbang Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj), melambangkan pusat pentadbiran moden.

Labuan: Menara Chimney, ikon bersejarah yang mencerminkan warisan dan identiti unik Labuan.



Bangunan Ikonik Tiga Wilayah

Ikon Akronim

Ikon akronim C.H.A.S.E ini direka dengan menggunakan pendekatan minimalis dan berfokus kepada elemen visual yang dapat menggambarkan setiap konsep secara jelas dan langsung. Semua ikon mengintegrasikan simbol bangunan untuk menunjukkan konsep "bandar" sebagai elemen utama.



C : Clean City (Bandar Bersih)

Reka Bentuk: Ikon menggunakan elemen bintang (*sparkle*) yang sinonim dengan kebersihan, kesegaran, dan keadaan bersih.



H : Healthy City (Bandar Sihat)

Reka Bentuk: Simbol hati dengan tanda "+" menunjukkan kesihatan, kesejahteraan, dan penjagaan.



A : Advance City (Bandar Maju)

Reka Bentuk: Simbol litar elektronik melambangkan kemajuan teknologi, inovasi, dan pembangunan.



S : Safe City (Bandar Selamat)

Reka Bentuk: Perisai dengan tanda semak (*checkmark*) adalah simbol universal untuk keselamatan dan jaminan.



E : Eco Friendly City (Bandar Mesra Alam)

Reka Bentuk: Daun melambangkan kelestarian, alam sekitar, dan penjagaan ekosistem.



Inspirasi Warna

Pemilihan warna mencerminkan nilai setiap tema: kebersihan, kesihatan, kemajuan, keselamatan, dan kelestarian. Inspirasi warna diambil daripada elemen dunia sebenar seperti alam semula jadi, teknologi, dan emosi manusia untuk mencipta keterhubungan intuitif.

EE2F79  Merah jambu melambangkan keaktifan, kebahagiaan, dan keteraturan yang sering dikaitkan dengan persekitaran bersih.

05A8D4  Biru muda memberi rasa ketenangan, kebolehpercayaan, dan harmoni yang dikaitkan dengan gaya hidup sihat.

076EA0  Biru gelap menonjolkan kestabilan, profesionalisme, dan kecanggihan.

F99C36  Jingga menunjukkan tenaga dan amaran, namun juga menggambarkan rasa keyakinan dan perlindungan.

28B34B  Hijau adalah warna universal untuk alam semula jadi, kehidupan, dan kelestarian.

Inspirasi Warna

Warna pada ikon bangunan ini diinspirasi daripada warna rasmi bendera Wilayah Persekutuan. Gabungan warna ini bukan sahaja menyerlahkan elemen ikonografi bangunan tetapi juga memperkukuhkan identiti visual yang selaras dengan nilai bendera Wilayah Persekutuan.



F7EC32  **Kuning** : Kedudukan yang dihormati, dimuliakan dan kedaulatan.

262262  **Biru** : Perpaduan, keikhlasan, dimuliakan dan kedaulatan.

ED1C24  **Merah** : Semangat waja, kekuatan, keberanian dan bertenaga.




Pelan Hala Tuju CHASE *City* Jabatan Wilayah Persekutuan 2025 - 2029 (Kerangka Pelan)

Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City

Kerangka Pelan ini dirancang berdasarkan visi CHASE City sebagai mendukung Kerangka Ekonomi MADANI iaitu Menaikkan Siling dan Meningkatkan Lantai seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada akhir tahun 2023.

Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City telah dibangunkan seperti di rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City

Tumpuan Kerangka Pelan ini adalah untuk memanfaatkan kelebihan sedia ada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Labuan) bagi meningkatkan daya saing untuk membina Wilayah Persekutuan yang sejahtera dan mampan. Kerangka Pelan diekspektasikan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan melalui pendekatan menyeluruh (*Whole of Government*) yang memerlukan mobilisasi sumber dan usaha bersepadu di bawah pimpinan JWP bersama-sama agensi-agensi di bawahnya. Tidak dilupakan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang meliputi agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhan.

Tumpuan kepada kerangka “Menaikkan Siling” dan “Meningkatkan Lantai” di bawah Ekonomi MADANI

Kerangka Pelan ini memberi penumpuan kepada dua dasar utama naratif Ekonomi MADANI seperti dalam rajah 3; iaitu:



Rajah 3: Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City serta Penumpuan Ekonomi MADANI

Pertama, “Menaikkan Siling” yang merujuk kepada usaha-usaha memperkasakan ekonomi dan mengembangkan kekayaan Wilayah Persekutuan. Usaha-usaha ini ditumpukan di bawah Kluster Kesejahteraan Wilayah Persekutuan (“Sejahtera@WP”). Hala tuju dasar menaikkan siling Wilayah Persekutuan ini memberi tumpuan kepada penjana pertumbuhan ekonomi untuk mencapai kesejahteraan secara menyeluruh di Wilayah Persekutuan. Hala tuju dasar Sejahtera@WP merujuk kepada usaha memacu meningkatkan ekonomi ke tahap nilai lebih tinggi dan kukuh di Wilayah Persekutuan. Usaha-usaha pemboleh termasuk transformasi struktur ekonomi, memacu perbandaran pintar, keseimbangan sosioekonomi, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, pembudayaan pendigitalan, dan pelestarian pelancongan.

Kedua, “Meningkatkan Lantai” yang merujuk kepada usaha-usaha manfaat yang berkualiti dan saksama untuk semua rakyat Wilayah Persekutuan. Usaha-usaha ini di bawah Kluster Program Upaya Jaya Insan (“PUJI@WP”). Hala tuju dasar PUJI@WP merujuk kepada peningkatan kualiti hidup rakyat di Wilayah Persekutuan supaya dapat mewujudkan peluang pendapatan yang berkualiti dan inklusif di samping menambah baik penyediaan perkhidmatan terutamanya pengupayaan, pendidikan, kesihatan, kediaman, pemerluasan sistem perlindungan sosial, dan penyediaan infrastruktur asas yang inklusif.

Kedua-dua dasar utama yang diperkenalkan di dalam Kerangka Pelan ini bertindak sebagai hala tuju untuk memastikan pembangunan ekonomi di Wilayah Persekutuan dipacu di atas landasan yang betul untuk manfaat penghuninya mengecapi kehidupan yang sejahtera. Kerangka Pelan yang dilaksanakan dengan jayanya pasti dapat melonjakkan kemakmuran ekonomi Wilayah Persekutuan dan memperluas keterangkuman dalam pengagihan kekayaan yang seterusnya menambah baik taraf hidup rakyat.

Kluster Sejahtera@WP dan Kluster PUJI@WP



Inisiatif dan program yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah payung Kerangka Pelan disusun mengikut kluster Sejahtera@WP dan kluster PUJI@WP seperti berikut:

SEJAHTERA@WP

Menaikkan Siling

Menumpukan kepada reformasi dan penstrukturan semula ekonomi, sekaligus menempatkan Malaysia menjadi hab serantau, mencipta lebih banyak juara rantauan di samping menjamin sekuriti dan kemampanan model ekonomi negara.

Penstrukturan Semula Ekonomi.

Inisiatif membangunkan industri strategik bernilai tinggi untuk merancakkan pelaburan dan menawarkan pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat.

Bandar Pintar Berdaya Huni.

Inisiatif bandar pintar selaras dengan teknologi tinggi terkini bagi memperkasakan dan mewujudkan bandar yang mampan.

Keseimbangan Sosio Ekonomi.

Inisiatif merapatkan jurang sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan ke arah peningkatan dan keseimbangan yang bermakna dalam taraf hidup rakyat.

Memelihara dan Memulihara Alam Sekitar.

Inisiatif dalam menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar bagi kesejahteraan kehidupan warga Wilayah Persekutuan.

Pembudayaan Digital.

Inisiatif Wilayah Persekutuan sebagai penggerak dan pemacu Transformasi Pembudayaan Digital dalam era global yang semakin kompetitif.

Kelestarian Pelancongan.

Inisiatif dalam memacu industri pelancongan yang lestari sebagai salah satu sumber ekonomi utama Wilayah Persekutuan.

PUJI@WP

Meningkatkan Lantai



Memperjuangkan keadilan sosial yang memberi taraf hidup bermakna serta kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa meminggirkan kualiti pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan infrastruktur asas.

Ilmu@PUJI.

Inisiatif yang memberikan peluang kepada golongan rentan untuk mendapatkan akses pendidikan tambahan percuma yang dilaksanakan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan

Upaya@PUJI.

Inisiatif pendayaupayaan dan penajaan pendapatan golongan sasar secara berpakej yang bermula daripada proses pemetaan untuk mengenal pasti peserta produktif di kalangan golongan rentan (keutamaan miskin tegar) sehingga mencapai tahap ekonomi mampan (*offtakers*).

Ihsan@PUJI.

Inisiatif dan penyelarasan bantuan kewangan/ bukan kewangan/ program bagi meningkatkan pendapatan isi rumah (keutamaan PGK Per Kapita minimum), menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa membeli serta memperkukuh akses perlindungan sosial golongan sasar.

Sihat@PUJI.

Inisiatif untuk memberikan peluang kepada warga Wilayah Persekutuan mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan yang segera dan berkualiti serta meningkatkan kesedaran gaya hidup sihat.

Infra@PUJI.

Inisiatif menambahbaik dan meningkatkan akses kemudahan infrastruktur asas kepada warga Wilayah Persekutuan bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Lindung@PUJI.

Inisiatif penyediaan skim insurans perlindungan sosial kepada golongan rentan (keutamaan miskin tegar) dan inisiatif bantuan rumah mampu milik bagi keselesaan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

Pendekatan dan Matlamat Kerangka Pelan



Pendekatan Kerangka Pelan yang menyeluruh dan responsif kepada cabaran semasa adalah dijangka dapat membantu langkah Wilayah Persekutuan mendukung kebolehsaingan, kemampunan fizikal, amalan tatakelola yang baik dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Kejayaan pelaksanaan Kerangka Pelan ini diaspirasikan untuk meletakkan Wilayah Persekutuan sebagai wilayah ekonomi terpenting di Malaysia dan seterusnya membantu mengembalikan maruah dan kegemilangan negara dipersada dunia.

Tindakan usaha-usaha dalam Kerangka Pelan yang dirangka telah melibatkan langkah jangka pendek serta langkah jangka sederhana dan panjang dengan matlamat memberi kesan positif kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial di Wilayah Persekutuan, iaitu:

- Matlamat jangka masa pendek bertujuan untuk menangani isu mendesak dengan usaha-usaha yang memberikan kesan langsung kepada rakyat dan perniagaan di Wilayah Persekutuan. Menerusi Kerangka Pelan ini penetapan hala tuju bagi mewujudkan inisiatif baharu dan penambahbaikan pelaksanaan pelbagai inisiatif sedia ada di dalam kedua-dua kluster utama iaitu Sejahtera@WP dan PUJI@WP. Usaha tersebut termasuk mempercepatkan pelaksanaan projek, membasmi kemiskinan tegar, meringankan beban kewangan, dan menangani cabaran kos sara hidup rakyat.
- Matlamat jangka masa sederhana dan panjang lebih tertumpu pada skala yang lebih besar ke atas usaha-usaha yang dirancang untuk dilaksanakan dengan tujuan memperolehi peningkatan dan pengukuhan pencapaian kesejahteraan ekonomi dan sosioekonomi di Wilayah Persekutuan secara menyeluruh. Di bawah Kluster Sejahtera@WP dan PUJI@WP meliputi usaha-usaha yang ingin mencapai matlamat yang membawa perubahan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi dan sosioekonomi di Wilayah Persekutuan. Perubahan yang membawa kepada kebolehsaingan dan menawarkan peluang yang diperlukan kepada rakyat pada masa kini dan generasi pada masa depan di Wilayah Persekutuan.

Kerangka Pelan ini juga satu pelan tindakan kepada inisiatif yang menjadi asas bagi melengkapi dasar-dasar utama negara yang baharu seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Malaysia Pengerusi ASEAN 2025 dan kaitan dengan Kerangka Pelan

Tahun 2025 merupakan tahun yang istimewa bagi Negara Malaysia dengan Malaysia telah dipilih sebagai pengerusi ASEAN. Hasrat Malaysia adalah untuk menjadi tuan rumah yang terbaik serta mampu menjulang Malaysia di mata dunia. Slogan utama ASEAN 2025 iaitu keterangkuman dan kemampuan menjadi visi Malaysia untuk rantau ASEAN yang aman, stabil dan makmur dan mencapai kemampuan jangka panjang rantau ini dan rakyatnya.



Kerangka Pelan ini akan menjadi pemangkin utama Wilayah Persekutuan dalam merealisasikan hasrat Malaysia dalam kepengerusian ASEAN ini. Kerangka Pelan adalah wadah yang terbaik dalam menterjemah usaha dan inisiatif yang telah dirangka Wilayah Persekutuan. Kluster Sejahtera@WP umpamanya, adalah selari dengan usaha-usaha ke arah mencapai visi kemampuan ASEAN manakala Kluster PUJI@WP pula selari dengan matlamat keterangkuman ASEAN dengan cerminan bahawa warga Wilayah Persekutuan tanpa mengira saiz atau kapasiti ekonomi, akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan dan pembangunan Wilayah Persekutuan secara khusus serta Negara Malaysia dan rantau ASEAN secara amnya.

The background features a light blue gradient with abstract geometric shapes. A large, semi-transparent circular diagram is visible, containing concentric rings and radial lines. The diagram is divided into segments of various colors (blue, green, orange, yellow) and includes numerical labels such as 20, 40, 60, 80, 90, and 120. The text is overlaid on a white rectangular area in the upper left portion of the image.

Inisiatif dan Pelan Tindakan di bawah Pelan Hala Tuju **CHASE** *City*

Ringkasan Inisiatif Kerangka Pelan

RINGKASAN PELAN HALA TUJU CHASE CITY JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2025 HINGGA 2029

5 HALA TUJU UTAMA	12 STRATEGI	31 INISIATIF	120 PROGRAM / PROJEK
 CLEAN CITY	2 Strategi	6 Inisiatif	16 Program / Projek
 HEALTHY CITY	4 Strategi	7 Inisiatif	20 Program / Projek
 ADVANCE CITY	2 Strategi	7 Inisiatif	23 Program / Projek
 SAFE CITY	2 Strategi	5 Inisiatif	25 Program / Projek
 ECO FRIENDLY CITY	2 Strategi	6 Inisiatif	36 Program / Projek

SEJAHTERA@WP

96 Inisiatif

24 Inisiatif

PUJI
PROGRAM USAHA JAYA INSAN

Clean City



Kebersihan bandar menyumbang kepada kesihatan awam yang baik, mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal penduduk melalui pembudayaan amalan kebersihan yang meliputi perancangan dan penyelarasan program kebersihan serta pengindahan, penggunaan teknologi dan koordinasi. Bandar Bersih juga perlu mempunyai nilai estetika merangkumi aspek visual dan seni bagi mencipta persekitaran yang menyenangkan termasuk landskap yang menarik, seni awam, seni bina bangunan serta ruang hijau yang indah. Pembudayaan amalan kebersihan dan nilai estetika dengan penglibatan semua pihak akan dapat menjamin persekitaran yang kondusif, *vibrant* dan berdaya huni.

Teras Strategik:

Pembudayaan amalan kebersihan dan pengekalan nilai estetika bandar.

Objektif

Mewujudkan persekitaran yang bersih, kemas dan teratur bagi meningkatkan kesejahteraan hidup.

Strategi 1: Membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan.

INISIATIF

1. Merancang dan menyelaraskan program kebersihan serta pengindahan.
2. Memanfaatkan penggunaan teknologi dalam pemantauan dan penyelesaian isu kebersihan.
3. Menandaaras dan memberi penarafan kebersihan sebagai *role model* yang memenuhi tahap kebersihan yang diiktiraf di semua lapisan peringkat.
4. Menguruskan dan memantau pengurusan sisa pepejal dengan lebih sistematik dan efisien.

STRATEGI 2: Mengekalkan nilai estetika merangkumi aspek visual dan seni bagi mencipta persekitaran yang menyenangkan.

INISIATIF

1. Meremajakan semula (*rejuvenate*) persekitaran bandar.
2. Memastikan persekitaran bandar yang lebih kemas, tersusun dan teratur.

Teras Strategik:

Pembudayaan Amalan Kebersihan dan Pengekalan Nilai Estetika Bandar.

Objektif

Mewujudkan persekitaran yang bersih, kemas dan teratur bagi meningkatkan kesejahteraan hidup.

Strategi 1: Membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Merancang dan menyelaraskan program kebersihan serta pengindahan.	1.1 Program Inisiatif Pengurusan Sisa. Contoh : <i>1 Community 1 Recycle</i> oleh DBKL, <i>Trash To Cash</i> oleh PPj dan <i>Waste to Wealth</i> oleh SW Corp.	40 program/ tahun	200 program	DBKL, PPj, PL, PKB
	1.2 Program pengurusan sisa minyak/ <i>Fat, Oil and Grease</i> (FOG) di premis perniagaan.	13 program/ tahun	65 program	DBKL, PPj, PL, PKB
	1.3 Program mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.	10 program/ tahun	50 program	DBKL, PPj, PL
	1.4 Program Gotong-Royong Komuniti.	15 program/ tahun	75 program	DBKL, PPj, PL, PKB, PTGWP, MSWP
	1.5 Program kesedaran, promosi dan hebahan mengenai kebersihan. Contoh: <i>Zero Waste, No Litter</i> .	13 program/ tahun	65 program	DBKL, PPj, PL, PKB

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
2. Memanfaatkan penggunaan teknologi dalam pemantauan dan penyelesaian isu kebersihan.	2.1 Sistem pelaporan pemeriksaan kebersihan. Contoh: <i>iWaste@KL</i> , <i>KLFOSS</i> dan Sistem <i>e-REST</i> .	100% penggunaan oleh pemegang taruh	100%	BPKT, DBKL, PPj
	2.2 Sistem pelaporan penyelesaian isu kebersihan. Contoh: Aplikasi Mudah Alih dan <i>Adu@KL</i> .	100% penggunaan oleh pemegang taruh	100%	BPKT, DBKL
3. Menandaaras dan memberi penarafan kebersihan sebagai <i>role model</i> yang memenuhi tahap kebersihan yang diiktiraf di semua lapisan peringkat.	3.1 Penarafan bintang tandas awam milik PBT.	80% tandas awam seliaan PBT mencapai penarafan 4 bintang dan ke atas untuk kebersihan	80%	DBKL, PPj, PL
	3.2 Penarafan premis makanan milik PBT.	100% premis makanan digredkan	100%	DBKL, PPj, PL
	3.3 Penarafan pasar awam/ borong milik PBT.	100% pasar awam/ borong digredkan	100%	DBKL, PPj, PL
4. Menguruskan dan memantau pengurusan sisa pepejal dengan lebih sistematik dan efisien.	4.1 Program menaiktaraf tapak pengumpulan sisa domestik Labuan.	10 tapak/ tahun	50 tapak	PL
	4.2 Program Turun Padang Bersepadu PBT, SW Corp dan Syarikat Konsesi.	20 program/ tahun	100 program	DBKL, PPj

STRATEGI 2: Mengekalkan nilai estetika merangkumi aspek visual dan seni bagi mencipta persekitaran yang menyenangkan.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
1. Meremajakan semula (<i>rejuvenate</i>) persekitaran bandar.	1.1 Program penyediaan Pelan Induk Pelaksanaan Penjenamaan Semula Bandar WP Kuala Lumpur. Contoh: skop naik taraf pengindahan dan infrastruktur.	1 pelan Induk/ 5 tahun	1 pelan	DBKL
2. Memastikan persekitaran bandar yang lebih kemas, tersusun dan teratur.	2.1 Program Pengindahan Bandar (kawasan tumpuan pelancong). Contoh : Lukisan mural/<i>placemaking</i>/ kiosk niaga.	6 program/ tahun	30 program	DBKL, PPj, PL
	2.2 Program Pengindahan gerai/ ruang niaga di bawah seliaan PBT. Contoh : Program Lestari Niaga.	3 bilangan program/ tahun	15 program	DBKL, PPj, PL
	2.3 Pengurusan kenderaan terbiar (penguatkuasaan dan tundaan).	18 kali/ tahun	90 kali	DBKL, PPj, PL



Healthy City

Bandar Sihat menggalakkan pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti melalui penyediaan infrastruktur yang inklusif serta persekitaran sosial yang menyeluruh dalam memastikan setiap individu dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih aktif dan berkualiti. Penyediaan infrastruktur yang terancang perlu bersifat inklusif, mesra pengguna dan mudah diakses serta mengambil kira semua golongan termasuk penyediaan kemudahan bagi OKU serta warga emas. Persekitaran sosial yang menyeluruh merujuk kepada ekosistem yang meningkatkan kesedaran dan mempromosikan gaya hidup sihat melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk komuniti.

Teras Strategik:

Penyediaan infrastruktur dan persekitaran sosial terancang yang menggalakkan budaya gaya hidup sihat.

Objektif

Membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti ke arah peningkatan kualiti hidup.

STRATEGI 1: Pelan Tindakan Khas/ Khusus Kesihatan di Pihak Berkuasa Tempatan.

INISIATIF

1. Mewujudkan/ melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Sihat Pihak Berkuasa Tempatan.

STRATEGI 2: Menyediakan persekitaran sosial yang sihat.

INISIATIF

1. Melaksanakan program amalan hidup sihat.
2. Mewujudkan komuniti yang hidup di dalam persekitaran yang bersih dan selamat.
3. Melaksanakan program Gaya Hidup Sihat

STRATEGI 3: Menyediakan persekitaran fizikal dan alam bina yang sihat.

INISIATIF

1. Menyediakan kawasan hijau dan taman yang aktif dan efisien.
2. Melaksanakan program/ projek berkaitan kemudahan fasiliti kesihatan yang mudah sampai dan sihat.

STRATEGI 4: Tadbir urus pelaksanaan bandar sihat.

INISIATIF

1. Memantau pelaksanaan program/ projek/ aktiviti berkaitan bandar sihat.

Teras Strategik:

Penyediaan infrastruktur dan persekitaran sosial terancang yang menggalakkan budaya gaya hidup sihat.

Objektif

Membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti ke arah peningkatan kualiti hidup.

STRATEGI 1: Pelan Tindakan Khas/ Khusus Kesihatan di Pihak Berkuasa Tempatan.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Mewujudkan/ melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Sihat PBT.	1.1 Melaksanakan semua program/ aktiviti/ projek di bawah Pelan Tindakan Bandar Sihat Putrajaya.	100%	100%	PPj
	1.2 Menyediakan Pelan Tindakan Bandar Sihat Kuala Lumpur dan Labuan.	2 pelan/ 5 tahun	2 pelan	DBKL, PL

STRATEGI 2: Menyediakan persekitaran sosial yang sihat.

1. Melaksanakan program amalan hidup sihat.	1.1 Pelaksanaan Program Amalan Hidup Sihat: Contoh: i. Kempen Kesedaran Makanan Sihat dan Bersih; ii. Promosi Penggunaan Aplikasi Pengiraan Kalori Makanan KKM (MyNutriDiari); iii. Program Pengurusan Kesihatan Komuniti; iv. Program Amalan Hidup Sihat; v. Inisiatif <i>Car Free Day (CFD)</i>; vi. <i>Dashboard</i> Kesihatan;	33 bilangan program/ tahun	165 program	DBKL, PPj, PL, PKB
---	---	----------------------------	-------------	--------------------

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
	vii. Khidmat Nasihat Kesihatan Secara Talian Telefon; viii. Sukarelawan Kesihatan; ix. <i>One Stop Centre</i> Khidmat Nasihat Kesihatan; dan x. Promosi <i>One Stop Crisis Centre</i> .			
2. Mewujudkan komuniti yang hidup di dalam persekitaran yang bersih dan selamat.	2.1 Program Berjalan Kaki 10,000 Langkah.	6 bilangan program/ tahun	30 program	PPj, PL, PTGWP, MSWP
	2.2 Program Kayuhan Komuniti.	2 bilangan program/ tahun	10 program	PPj, PL
	2.3 Program kayuhan dalam taman di agensi.	2 bilangan program/ tahun	10 program	PPj, PL
	2.4 Program Larian. <i>Contoh: Fun Run, Marathon, Half Marathon.</i>	28 bilangan program/ tahun	140 program	DBKL, PPj, PL, PTGWP, MSWP
	2.5 Program Senamrobik.	31 bilangan program/ tahun	155 program	DBKL, PPj, PL, PKB, PTGWP, MSWP
	2.6 Insentif penggunaan fasiliti sukan (pengurangan kadar harga).	11,000 bilangan penerima manfaat dan insentif/ tahun	55,000 penerima manfaat dan insentif	DBKL, MSWP
	2.7 Pertandingan Laman Cantik.	3 bilangan program/ tahun	15 program	DBKL, PPj, PL
	2.8 Program Explorasi Taman Awam.	37 bilangan program/ tahun	185 program	DBKL, PPj, PL
3. Melaksanakan program Gaya Hidup Sihat.	3.1 Sukan Parlimen (SUKPAR) di setiap parlimen.	1 kali setiap 2 tahun	2 kali	MSWP

STRATEGI 3: Menyediakan persekitaran fizikal dan alam bina yang sihat.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Menyediakan kawasan hijau dan taman yang aktif dan efisien.	1.1 Naik taraf taman-taman permainan kanak-kanak.	100% taman permainan kanak-kanak dinaiktaraf	100%	DBKL, PL
2. Melaksanakan program/ projek berkaitan kemudahan fasiliti kesihatan yang mudah sampai dan sihat.	2.1 Menyelaras cadangan projek infrastruktur berkaitan kesihatan dengan pihak berkepentingan berdasarkan Pelan/ Rancangan Struktur PBT.	2 bilangan libat urus/ mesyuarat/ forum/ tahun	10 libat urus/ mesyuarat/ forum	PL
	2.2 Pewujudan Lokasi Riadah Refleksiologi/ <i>Gym in the Park</i> / terapi alam/ kemudahan rekreasi aktif.	100% taman awam	100%	DBKL, PL
	2.3 Penubuhan <i>Wellness Hub</i> untuk komuniti.	4 <i>Wellness Hub</i>	4 <i>Wellness Hub</i>	DBKL, PPj, PL, PKB
	2.4 Mewujudkan pusat transit warga tua.	2 pusat transit	2 pusat transit	DBKL, PPj
	2.5 Membina/ menambahbaik laluan pejalan kaki.	1.5 km/ tahun	7.5 km	DBKL, PL
	2.6 Membina/ menambahbaik laluan basikal.	3 km/ tahun	15 km	DBKL, PL

STRATEGI 4: Tadbir urus pelaksanaan bandar sihat.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
1. Memantau pelaksanaan program/ projek/ aktiviti berkaitan bandar sihat.	1.1 Penyelarasan pemantauan bersama pihak-pihak berkepentingan bagi pelaksanaan bandar sihat. i. Pemantauan asap kenderaan; ii. Pemantauan pembakaran terbuka; iii. Pemantauan punca pencemaran tasik/ sungai; iv. Pemantauan kualiti udara/ jerebu; v. Program pendidikan alam sekitar; vi. Pengurusan bencana alam (banjir dan lain-lain); dan vii. Sistem bersepadu pemantauan alam sekitar.	18 program/ projek/ tahun	90 program/ projek	DBKL, PPj, PL



Advance City

Bandar Maju mengutamakan penggunaan atau adaptasi teknologi terkini dalam menyelesaikan masalah perbandaran, menyokong *data driven decision making* dan memudahkan urusan seharian penduduk. Penggunaan teknologi terkini dan inovasi adalah merangkumi *smart economy, smart people, smart living, smart environment, smart digital infrastructure, smart transportation* dan *smart governance*. Persekitaran dengan kemudahan teknologi tinggi dan pembudayaan inovasi boleh diwujudkan melalui penggunaan dan penerapan elemen bandar pintar, peningkatan kualiti persekitaran yang kondusif, penyediaan pusat penyelidikan dan pembangunan awam dan swasta, peningkatan penyediaan infrastruktur teknologi baharu dan pemodenan infrastruktur pembuatan. Bandar yang maju (*advance*) dan inovatif dapat menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, menjana aktiviti ekonomi bernilai tinggi, mengurus kemahiran dan tenaga kerja mahir dan memperkukuh rangkaian pengangkutan yang efisien. Pengadaptasian teknologi terkini dan inovasi dapat menaiktaraf kualiti hidup rakyat melalui penjimatan masa, peningkatan produktiviti, penjimatan tenaga kerja dan kos terlibat serta menyumbang kepada kesejahteraan dan keselamatan bandar.

Teras Strategik:

Pengadaptasian teknologi terkini dan pembudayaan inovasi dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.

Objektif

Untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup rakyat.

STRATEGI 1: Mengadaptasi teknologi terkini dalam memperkasakan pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.

INISIATIF

1. Melaksanakan konsep dan penarafan Pembangunan Bandar Pintar (*Smart City*).
2. Melaksanakan Program Bandar Selamat.
3. Mengintegrasikan teknologi pembangunan hijau dalam perancangan dan pembangunan gunatanah ke arah Bandar Berdaya Tahan (*resilience city*).
4. Memperkasa *Dashboard* Pangkalan Data Wilayah Persekutuan.

STRATEGI 2: Membudayakan inovasi dalam memperkasakan pengurusan dan meningkatkan perkhidmatan perbandaran.

INISIATIF

1. Memperkasakan ekonomi supaya lebih berdaya saing dan berkendiri.
2. Mewujudkan program perumahan yang kondusif dan berdaya huni.
3. Mewujudkan amalan perancangan terbaik (*best planning practise*) dalam perkhidmatan perbandaran.

Teras Strategik:

Pengadaptasian teknologi terkini dan pembudayaan inovasi dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.

Objektif

Untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup rakyat.

STRATEGI 1: Mengadaptasi teknologi terkini dalam memperkasakan pengurusan dan perkhidmatan perbandaran.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Melaksanakan konsep dan penarafan Pembangunan Bandar Pintar (<i>Smart City</i>).	1.1 Pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar berdasarkan <i>blueprint MySmart Wilayah 2030</i> dan pelan tindakan agensi masing-masing.	100% program dirancang selesai dilaksanakan	100%	DBKL, PPj, PL
	1.2 Penarafan Bandar Pintar Malaysia. (MS ISO 37122:2019).	DBKL - Tahap 4 PPJ - Tahap 4 PL- Tahap 2	DBKL - Tahap 4 PPJ - Tahap 4 PL- Tahap 2	DBKL, PPj, PL
2. Melaksanakan Program Bandar Selamat.	2.1 Pelaksanaan kriteria-kriteria Program Bandar Selamat.	100% bagi projek baharu mematuhi kriteria bandar selamat	100%	DBKL, PPj, PL
	2.2 Melaksanakan program pencahayaan (Solar & LED).	DBKL - 11 lokasi (parlimen) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL - 11 lokasi (parlimen) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL, PL
	2.3 Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang berintegrasi dengan <i>Command Centre</i> .	DBKL - 11 lokasi (parlimen) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL - 11 lokasi (parlimen) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL, PL
	2.4 <i>Panic button</i> (Penggera Keselamatan) yang berintegrasi dengan <i>Command Centre</i> .	DBKL - 8 lokasi (taman-taman awam) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL - 8 lokasi (taman-taman awam) Labuan - 5 lokasi (zon)	DBKL, PL

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
3. Mengintegrasikan teknologi pembangunan hijau dalam perancangan dan pembangunan gunataman ke arah Bandar Berdaya Tahan (<i>resilience city</i>).	3.1 Membangunkan <i>Urban Observatory</i> (UO) mengikut 7 tema utama: (<i>Smart Government/ Smart Environment/ Smart Infrastructure/ Smart Mobility/ Smart Living / Smart People / Smart Economy</i>).	50%	50%	DBKL, PPj, PL
	3.2 Penstrukturan maklumat Putrajaya kepada 7 tema utama : (<i>Smart Government/ Smart Environment/ Smart Infrastructure/ Smart Mobility/ Smart Living / Smart People / Smart Economy</i>).	4 bilangan/ tahun	20 bilangan	PPj
4. Memperkasa <i>Dashboard</i> Pangkalan Data Wilayah Persekutuan.	4.1 Menerapkan komponen model <i>Artificial Intelligence</i> (AI) bagi tujuan analisa maklumat <i>dashboard</i> Pangkalan Data Wilayah Persekutuan.	i. 100% Pertambahan 3 sumber data dari bahagian/ Agensi ii. 10% peningkatan set data setiap tahun iii. Penerapan 1 Model AI dengan peningkatan model mengikut keperluan	100% 100% 1 model	JWP JWP JWP
	4.2 Program kesedaran berhubung keselamatan data.	6 kali/ tahun	30 kali	JWP, DBKL, PPj, PL, PKB, PTGWP, MSWP

STRATEGI 2: Membudayakan inovasi dalam memperkasakan pengurusan dan meningkatkan perkhidmatan perbandaran.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Memperkasakan ekonomi supaya lebih berdaya saing dan berkendiri.	1.1 Penganjuran bengkel/ kursus inovasi keusahawanan untuk penjaja dan peniaga kecil.	6 bilangan penganjuran bengkel/ kursus/ tahun	30 bengkel/ kursus	DBKL, PPj, PL, PKB
	1.2 Program pendayaupayaan berimpak tinggi.	100% ketua isi rumah (KIR)/ miskin tegar terkeluar daripada kelompok miskin tegar berdasarkan data <i>locked figure</i>	100%	DBKL, PL
	1.3 Memperkasakan ekonomi supaya lebih berdaya saing dan berkendiri menerusi program-program yang dianjurkan seperti:	6 bilangan penganjuran program/ tahun	30 program	DBKL, PPj, PL, PKB
	i. Program Kemahiran Asas dan Pertengahan Pementoran Usahawan <i>Food Truck</i> ;			
	ii. Program Kemahiran Asas dan Pertengahan; dan			
	iii. Program e-Usahawan bagi <i>digital marketing</i> .			
	1.4 Penganjuran program peningkatan kemahiran perniagaan:	6 bilangan penganjuran program/ tahun	30 program	DBKL, PPj, PL, PKB
	i. Program kesedaran tanggungjawab bersama; dan			
	ii. Program Pembangunan Penjaja <i>Food Truck</i> .			

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
2. Mewujudkan program perumahan yang kondusif dan berdaya huni.	2.1 Penggunaan aplikasi Program <i>Waste to Wealth/ Waste to Energy</i> di kawasan perumahan.	80% penggunaan aplikasi	80%	DBKL, PL, PKB
	2.2 Pelaksanaan program Residensi MADANI dan Residensi Wilayah secara <i>smart governance</i> .	8,000 Kebenaran Merancang/ unit siap/ tahun	40,000 Kebenaran Merancang/ unit siap/ tahun	DBKL
	2.3 Mengenakan syarat penggunaan teknologi pembangunan hijau dalam kelulusan kebenaran merancang bagi pembangunan baharu. (Solar/ <i>Light-Emitting Diode (LED)</i> / Sistem Penuian Air Hujan (SPAH)/ Sistem Binaan Berindustri (IBS).	100% mengambil kira keperluan Bandar Selamat dalam kelulusan kebenaran merancang	100%	DBKL, PPj, PL
	2.4 Pengurusan tenaga melalui <i>Smart Meter</i> dan sistem tarif masa sebenar (<i>realtime</i>). (<i>Smart Electric Meter/ Smart Water Meter</i>).	50% rumah dengan <i>smart energy meter</i>	50%	DBKL, PL
	2.5 Merancang pembangunan Rumah Majlis MADANI / <i>Council Homes</i> .	5 lokasi sekitar Kuala Lumpur	5 lokasi	DBKL

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGensi BERTANGGUNG JAWAB
3. Mewujudkan amalan perancangan terbaik (<i>best planning practise</i>) dalam perkhidmatan perbandaran.	3.1 Penganjuran program seperti kursus fizikal dan atas talian (<i>online</i>), bengkel dan seminar skim strata untuk komuniti strata serta program turun padang di kawasan pemajuan.	31 program pengurusan komuniti bangunan strata di perumahan awam (PA/PPR) dan swasta/ tahun	155 program	DBKL, PPj, PL
	3.2 Pelaksanaan penggunaan sistem bagi pembangunan bandar yang lebih cekap dan efisien.	50% penggunaan teknologi	50%	DBKL, PL
	i. Sistem kawalan lampu isyarat pintar;			
	ii. Sistem penjejakan dan pemantauan bas; dan			
	iii. Sistem tempat letak kereta pintar (<i>Smart Parking System</i>) untuk <i>on-street</i> .			
	3.3 Pencapaian perancangan terbaik dalam pembangunan mampan selaras dengan MURNInets.	90% index kemampanan setiap tahun	90%	DBKL, PPj, PL

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGensi BERTANGGUNG JAWAB
	3.4 Membangunkan sistem pemantauan bersepadu dan <i>realtime</i> bagi memastikan pengurusan <i>best practise</i> untuk alam sekitar, tasik dan <i>wetland</i>. i. IEMS bagi pemantauan cuaca; ii. SKEP bagi pemantauan integriti struktur empangan iii. SKPPAS bagi pemantauan punca pencemaran alam sekitar; iv. Sistem hidrologi bagi pemantauan aras air tasik; dan v. Pengekalan kualiti air (Tahap Kelas II) dan biologi tasik dan wetland secara <i>nature-based solution</i> dan mendapat pengiktirafan UNESCO.	1 bilangan sistem/ tahun	5 sistem	PPj



Safe City

Bandar Selamat mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dari aspek infrastruktur yang kukuh dan persekitaran yang selamat untuk menjamin keselamatan penduduknya. Dalam *Safe City*, setiap aspek kehidupan masyarakat diberi perhatian khusus untuk memastikan setiap individu merasai rasa selamat dalam menjalani kehidupan seharian. Pembangunan infrastruktur yang merangkumi keselamatan fizikal, harta dan siber perlu dirancang dengan teliti bagi meminimalkan risiko kemalangan dan kejadian jenayah. Keselamatan persekitaran boleh diperkasakan melalui pengukuhan tadbir urus, dasar dan penguatkuasaan undang-undang secara bersepadu bagi memastikan keselamatan penghuni bandar terjaga. Pengukuhan infrastruktur dan persekitaran yang selamat dapat menjamin keselamatan bandar yang bebas dari ancaman fizikal, sosial, mental dan kelestarian alam sekitar. Ini mempunyai kaitan langsung dengan tahap kebahagiaan dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan rakyat sekaligus merealisasikan aspirasi bandar berdaya huni.

Teras Strategik:

Pengukuhan infrastruktur dan persekitaran yang menjamin rasa selamat.

Objektif

Mewujudkan persekitaran yang selamat bagi meningkatkan tahap kebahagiaan dan merealisasikan aspirasi bandar berdaya huni.

STRATEGI 1: Menyediakan infrastruktur yang meminimalkan risiko bencana, kemalangan dan kejadian jenayah.

INISIATIF

1. Merancang dan menyelaraskan program bandar selamat yang komprehensif.
2. Menyediakan persekitaran berpandukan *universal design* (Mesra OKU/ warga emas dan kanak-kanak).
3. Merancang dan menambahbaik aset-aset keselamatan dengan menggunakan teknologi terkini.

STRATEGI 2: Menyediakan persekitaran yang memberikan rasa selamat kepada masyarakat.

INISIATIF

1. Mengukuhkan kawalan keselamatan di kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Memastikan pelaksanaan dasar dan pematuhan undang-undang kepada kumpulan sasaran yang berkaitan.

Teras Strategik:	Pengukuhan infrastruktur dan persekitaran yang menjamin rasa selamat.			
Objektif	Mewujudkan persekitaran yang selamat bagi meningkatkan tahap kebahagiaan dan merealisasikan aspirasi bandar berdaya huni.			
STRATEGI 1: Menyediakan infrastruktur yang meminimakan risiko bencana, kemalangan dan kejadian jenayah.				
INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
1. Merancang dan menyelaraskan program bandar selamat yang komprehensif.	1.1 Mesyuarat Penyelarasan/ Jawatankuasa Bandar Selamat.	10 kali/ tahun	50 kali	DBKL, PPj, PL
	1.2 Penambahbaikan pencahayaan di lokasi <i>hotspot</i> .	100% penambahbaikan dilaksanakan/ tahun	100%	DBKL, PPj, PL
	1.3 Naiktaraf laluan awam.	100% naiktaraf dilaksanakan/ tahun	100%	DBKL, PPj, PL
	1.4 Penyediaan papan tanda amaran/ nasihat awam di kawasan <i>hotspot</i> .	42 bilangan kawasan <i>hotspot</i> / tahun	210 kawasan hotspot	DBKL, PL
	1.5 Pelaksanaan Garis Panduan Penyenggaraan Cerun di Kawasan Tanah Bermilik di Kuala Lumpur.	5% penurunan aduan tanah runtuh bagi kawasan tanah bermilik/ tahun	25% penurunan	DBKL
	1.6 Pelaksanaan Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Publisiti.	4 program/ tahun	20 program	PPj
2. Menyediakan persekitaran berpanduan <i>universal design</i> (Mesra OKU/ warga emas dan kanak-kanak).	2.1 Menaiktaraf prasarana hentian bas berdasarkan rekabentuk sejagat.	4 bilangan hentian bas dinaiktaraf/ tahun	20 hentian bas	PPj
	2.2 Pemasangan <i>beeper</i> di lampu isyarat (bagi orang kurang penglihatan).	7 bilangan lokasi/ tahun	35 lokasi	DBKL, PPj

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
3. Merancang dan menambahbaik aset-aset keselamatan dengan menggunakan teknologi terkini.	3.1 Penyediaan alat <i>automated external defibrillator (AED)</i> di bangunan dan fasiliti awam.	12 bilangan lokasi/ tahun	60 lokasi	DBKL, PPj
	3.2 Penggantian prasarana lif lama dan usang di kuarters kerajaan/ perumahan awam.	20 bilangan/ tahun	100 bilangan	PPj
	3.3 Penggantian sistem pencegah kebakaran daripada sistem CO2 kepada sistem <i>aerosol/ inert gas</i> yang mesra alam di bilik-bilik elektrik/ utiliti.	2 bilangan lokasi/ tahun	10 lokasi	PPj
	3.4 Pemantauan keselamatan menggunakan <i>drone</i> .	4 unit <i>drone</i> / tahun	20 unit <i>drone</i>	DBKL, PL
	3.5 Pemasangan <i>closed-circuit television (CCTV)</i> .	1,216 bilangan CCTV/ tahun	6,080 CCTV	DBKL, PPj, PL
	3.6 Pemasangan <i>panic button</i> di kawasan strategik.	69 bilangan <i>panic button</i> / tahun	345 <i>panic button</i>	DBKL, PPj, PL

STRATEGI 2: Menyediakan persekitaran yang memberikan rasa selamat kepada masyarakat.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
1. Mengukuhkan kawalan keselamatan di kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).	1.1 Melaksanakan mesyuarat dan rondaan penguatkuasaan. Contoh:	i. 180 bilangan rondaan/ tahun ii. 10 kali mesyuarat/ laporan lokasi titik panas kawasan jenayah di bawah seliaan PBT kepada PDRM	900 rondaan 10 kali mesyuarat	DBKL, PPj, PL DBKL
	i. Rondaan Basikal Elektrik ii. Rondaan Berkuda iii. Rondaan Bermotosikal			
	1.2 Pelaksanaan operasi bersepadu.	20 bilangan operasi bersepadu/ tahun	100 kali operasi bersepadu	DBKL, PPj, PL
	1.3 Menangani ancaman dan konflik hidupan liar kepada masyarakat Putrajaya.	80 operasi tangkap pindah/ tahun	400 operasi tangkap pindah	PPj
	1.4 Pemeriksaan pokok berisiko.	i. 34 bilangan kekerapan pemeriksaan/ tahun ii. 10 pelaksanaan kajian penilaian pokok berisiko/ tahun	170 pemeriksaan 50 kajian penilaian pokok berisiko	DBKL, PPj, PL DBKL
	1.5 Penyediaan Perkhidmatan/ Rondaan Balai Polis Tetap/ Bergerak semasa acara.	50 bilangan/ tahun	250 bilangan	PPj
	1.6 Pelaksanaan program/ kempen bersama komuniti bagi memastikan persekitaran selamat dan sejahtera (kes jenayah dan kemalangan jalan raya).	4 program/ kempen/ tahun	20 program/ kempen	PPj

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
2. Memastikan pelaksanaan dasar dan pematuhan undang-undang kepada kumpulan sasar yang berkaitan.	2.1 Keanggotaan dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).	100% pematuhan kepada tahap kesiapsiagaan	100% pematuhan kepada tahap kesiapsiagaan	BPKT
	2.2 Program/ Aktiviti/ Latihan pemeraksanaan modal insan Pegawai Penguatkuasa.	16 bilangan program/ aktiviti/ latihan/ tahun	80 program/ aktiviti/ latihan	DBKL, PPj, PL, PTGWP
	2.3 Pelaksanaan program kesedaran awam (<i>public awareness</i>) melibatkan komuniti.	214 bilangan program/ tahun	1,070 program	DBKL, PPj, PL, PTGWP, MSWP
	2.4 Pameran dan taklimat penggunaan alat <i>Automated External Defibrillator (AED)</i> kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur.	2 bilangan pameran dan taklimat/ tahun	10 pameran dan taklimat	DBKL
	2.5 Pelaksanaan audit akses terhadap bangunan bagi pematuhan kemudahan akses OKU yang telah dikenal pasti bagi kawasan utara, tengah dan selatan Kuala Lumpur.	24 bilangan pelaksanaan audit aksesibiliti/ tahun	120 pelaksanaan audit aksesibiliti	DBKL



Eco Friendly City

Pertumbuhan populasi dan aktiviti pembangunan yang tidak terancang menjejaskan ekologi dan kelestarian alam. Sehubungan itu, pendekatan mesra alam (*eco friendly*) sangat penting dalam perancangan pembangunan bagi sesebuah bandar. Bandar Mesra Alam bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, tetapi juga meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar memerlukan komitmen semua pihak. Melalui pendidikan, kesedaran, dan tindakan yang betul, kita dapat bersama-sama membina masa depan yang lebih hijau dan mampan. Bagi memastikan kelestarian alam sekitar, setiap aktiviti pembangunan perlu dirancang dan dilaksanakan dengan mengambil kira impak terhadap alam sekitar supaya tidak menjejaskan ekosistem dan kesejahteraan.

Teras Strategik:

Pengintergrasian alam sekitar dan aktiviti pembangunan.

Objektif

Untuk mewujudkan persekitaran lestari ke arah peningkatan gaya hidup.

STRATEGI 1: Memperkasakan dan mengintegrasikan konsep pembangunan hijau dalam perancangan dan pembangunan fizikal guna tanah.

INISIATIF

1. Memperkukuh inisiatif pelaksanaan Bandar Hijau (*Green Cities*).
2. Mengekalkan kawasan hijau melalui kaedah pewartaan. (berdasarkan zon guna tanah kawasan lapang Rancangan Struktur & Pelan Tempatan).
3. Memantau pelaksanaan tindakan Pelan Struktur/ Pelan Tempatan PBT.
4. Mengurangkan pelepasan karbon di Wilayah Persekutuan.

STRATEGI 2: Membudayakan persekitaran lestari.

INISIATIF

1. Merealisasikan budaya bandar raya rendah karbon.
2. Membudayakan pendekatan mesra alam dalam program/ projek/ inisiatif pembangunan.

STRATEGI 1: Memperkasakan dan mengintegrasikan konsep pembangunan hijau dalam perancangan dan pembangunan fizikal guna tanah.

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENSI BERTANGGUNG JAWAB
1. Memperkukuh inisiatif pelaksanaan Bandar Hijau (<i>Green Cities</i>).	1.1 Taman-taman bandar linear disepanjang rizab sungai dan laluan air.	3 taman/ tahun	15 taman	DBKL
	1.2 Memperkasa inisiatif <i>Urban Farming/ Pertanian Bandar/ Kebun Komuniti</i> .	i. 15 bilangan pertambahan kebun/ tahun ii. 100% pelaksanaan <i>Putrajaya Urban Farming Master Plan/ 5 tahun</i>	75 pertambahan kebun 100%	DBKL, PPj, PL, PKB PPj
	1.3 Program Penanaman Anak Pokok Bakau WP Labuan.	1,000 anak pokok/ tahun	5,000	PL
	1.4 Pelan Induk Landskap.	1 pelan induk/ 5 tahun	1 pelan induk	DBKL
2. Mengekalkan kawasan hijau melalui kaedah pewartaan. (berdasarkan zon guna tanah kawasan lapang Rancangan Struktur & Pelan Tempatan).	2.1 Pewartaan kawasan lapang Wilayah Persekutuan.	100% pewartaan/ 5 tahun	100%	DBKL, PPj, PL
	2.2 Pewartaan Rancangan Pemajuan (Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) 2040, Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040, Rancangan Struktur Putrajaya (RSP) 2050, Rancangan Tempatan Putrajaya (RTP) 2050, Rancangan Struktur Labuan (RSL) 2040, Rancangan Tempatan Labuan (RTL) 2040)	100% pewartaan/ 5 tahun	100%	DBKL, PPj, PL

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
	2.3 Penyediaan kawasan lapang selaras sasaran PSKL2040 iaitu sebanyak 2ha/1,000 penduduk pada tahun 2030 di Kuala Lumpur.	15.75mp kawasan lapang/ 2.13 juta penduduk (anggaran) tahun 2030	15.75mp kawasan lapang/ 2.13 juta penduduk (anggaran) tahun 2030	DBKL
3. Memantau pelaksanaan tindakan Pelan Struktur/ Pelan Tempatan PBT.	3.1 Sistem pemantauan pelaksanaan Rancangan Pemajuan Digital. (Kuala Lumpur Urban Observatory (KLUO))	100% pencapaian/ 5 tahun	100%	DBKL
	3.2 Tindakan Rancangan Pemajuan Struktur. Garis panduan rekabentuk bandar Garis panduan Pelan Pengurusan Hutan Bandar	3 bilangan garis panduan/ 5 tahun	3 garis panduan	DBKL, PPj, PL
	3.2.1 Melindungi kawasan aset alam semula jadi.	100%/ 5 tahun	100%	DBKL, PL
	3.2.2 Mewujudkan rangkaian penghubung taman.	3 lokasi/ tahun	15 lokasi	DBKL, PPj
	3.2.3 Penanaman pokok kawasan taman perumahan.	100,200 pokok/ tahun	501,000 pokok	DBKL, PL
	3.2.4 Pengekalan kawasan hutan sedia ada.	100%/ 5 tahun	100%	DBKL, PL


INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
4. Mengurangkan pelepasan karbon di Wilayah Persekutuan.	4.1 Menambahbaik inisiatif perkhidmatan awam di Wilayah Persekutuan.			
	4.1.1 Inisiatif Kad Pengangkutan Awam Putra-jaya	5% peningkatan pengguna/ tahun	25% peningkatan pengguna	PPj
	4.1.2 Jajaran rangkaian Go KL.	1 bilangan jajaran tambahan/ tahun	5 jajaran tambahan	DBKL
	4.1.3 Penggunaan bahan api Diesel Euro5 bagi perkhidmatan bas henti-henti Putrajaya.	33 bilangan/ 5 tahun	33 bilangan	PPj
	4.1.4 Perkhidmatan bas elektrik di Putrajaya.	2 bilangan/ tahun	10 bilangan	PPj
	4.1.5 Memaksimumkan penggunaan bas elektrik untuk promosi dan pelancongan.	20 kekerapan/ tahun	100 kekerapan	PPj
	4.2 Pemasangan LED <i>Street Light</i> <i>Street lights high pressure sodium valve (FPSV)</i> kepada LED.	100% peratus/ tahun	100%	DBKL, PPj, PL
	4.3 Penganjuran Hari Bebas Kenderaan (<i>Car Free Morning</i>).	46 kali/ tahun	230 kali	DBKL, PPj, PL
	4.4 Pemasangan <i>EV Charging Station/ Bays</i> .	283 bilangan <i>EV Charging Station/ Bays</i> / tahun	1,415 bilangan <i>EV Charging Station/ Bays</i>	DBKL, PPj, PL
	4.5 Pengenaan syarat baru Kebenaran Merancang bagi penyediaan 5% <i>Renewal Energy</i> .	100% pematuhan/ tahun	100%	DBKL, PL

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
4. Mengurangkan pelepasan karbon di Wilayah Persekutuan.	4.6 Menaiktaraf laluan pejalan kaki & laluan berbasikal.	106.33 km laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal dinaiktaraf/ 5 tahun	106.33 km laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal	DBKL, PL
	4.7 Pembangunan Sistem Inventori Pokok yang berupaya memantau tahap pengurangan CO2 dan kadar pelepasan oksigen.	2 sistem/ 5 tahun	2 sistem	DBKL, PL
	4.8 Penyediaan struktur <i>Green Building Index</i> (Tujuan pengiktirafan).	2 bilangan bangunan/ tahun	10 bangunan	PPj
	4.9 Projek Pengindahan Sungai (<i>River Rejuvenation</i>).	1 lokasi/ 5 tahun	1 lokasi	PL

STRATEGI 2: Membudayakan persekitaran lestari.


INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENCI BERTANGGUNG JAWAB
1. Merealisasikan budaya bandar raya rendah karbon.	1.1 Program kesedaran awam <i>Communication Educational & Public Awareness</i> (CEPA).	21 bilangan program/ tahun	105 program	DBKL, PPj, PL
	1.2 Program <i>paperless</i> bagi perkhidmatan bayaran bil cukai taksiran/ cukai tanah.	100%/ 5 tahun	100%	DBKL, PPj, PL, PTGWP
	1.3 Pelaksanaan Program <i>Waste to Wealth</i> di setiap parlimen.	12 parlimen/ tahun	12 parlimen	DBKL, PL
	1.4 Program Komuniti.	12 parlimen/ tahun	12 parlimen	DBKL, PL
	1.4.1 Pelaksanaan <i>1 Community 1 Recycle</i> setiap parlimen.			

INISIATIF	PROGRAM/ PROJEK	SASARAN/ KPI TAHUNAN	SASARAN/ KPI 2025 - 2029	BAHAGIAN/ AGENS BERTANGGUNG JAWAB
	1.4.2 Inisiatif Hijau Putrajaya (AIH) melalui komuniti.	1 bilangan program/ tahun	5 program	PPj
	1.5 Pelaksanaan program 3R (<i>Reuse, Reduce, Recycle</i>) melibatkan agensi swasta, kerajaan, NGO dan lain-lain.	31 bilangan program/ tahun	155 program	DBKL, PPj, PL
2. Membudayakan pendekatan mesra alam dalam program/ projek/ inisiatif pembangunan.	2.1 Penguatkuasaan Penggunaan produk biodegradasi bersepadu.	36 bilangan operasi/ tahun	180 program	DBKL, PPj, PL
	2.2 Program pengkomposan sisa landskap dan pokok untuk dijadikan baja kompos.	20 tan/ tahun	100 tan	PPj
	2.3 Pelaksanaan Penghijauan Malaysia/ Penanaman pokok.	504,500 bilangan pokok/ tahun	2,522,500 pokok	DBKL, PPj, PL
	2.4 Penggunaan lampu LED di Taman-taman Awam Putrajaya.	2 bilangan taman/ tahun	10 taman	PPj

The background features a light blue gradient. On the left, there is a white rectangular area containing faint, concentric circular patterns. Below this, a large, colorful circular graphic is partially visible, resembling a color wheel or a data visualization. It has concentric rings in various colors (blue, green, yellow, orange, red, purple) and radial lines. Some numbers like 20, 40, 60, 80, 90, and 120 are visible on the inner rings. The title 'Pemboleh Daya' is centered in the white area.

Pemboleh Daya

Pemboleh daya yang dikenal pasti dan dinyatakan di dalam Kerangka Pelan seperti di rajah 4 berperanan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan semua inisiatif-inisiatif serta program yang telah dirancang oleh JWP dan Agensi. Penetapan dasar yang inklusif dan mampan, kecekapan dan pelaksanaan tadbir urus yang baik, penggunaan teknologi terkini, ketepatan data yang berintegriti dan pembudayaan etika kerja dengan nilai HARMONI boleh diupayakan untuk menjadi pemangkin dalam memacu kejayaan pelaksanaan CHASE City.



Rajah 4: Pemboleh Daya Pelan Hala Tuju CHASE City

Dasar Inklusif dan Mampan

Pewujudan dan pelaksanaan dasar yang inklusif dan mampan merupakan pendekatan yang akan menekankan keadilan sosial, perlindungan alam sekitar dan pembangunan ekonomi yang berterusan. Dasar yang inklusif dan mampan akan memastikan setiap individu dan warga Wilayah Persekutuan diberikan peluang yang sama untuk berkembang maju dan kemajuan yang dicapai tidak akan sesekali melupakan kepada kelestarian alam semula jadi untuk dinikmati generasi akan datang.

Tadbir Urus Terbaik



Tadbir urus terbaik merangkumi pelaksanaan kepada prinsip-prinsip pentadbiran dalam pengurusan organisasi yang dilakukan dengan cara yang telus, beretika, bertanggungjawab dan dengan tatakelola yang betul. Ciri-ciri utama tadbir urus yang baik adalah seperti pengurusan dan penggunaan sumber yang optimum, pengagihan, pelaburan dan penjanaaan sumber kewangan dengan cara yang efektif dan efisien, ketersediaan dan pengekalan bakat yang berkesan, pelaksanaan program komunikasi yang strategik dan pentadbiran berintegriti yang dilaksanakan dengan sifat jujur dan beretika serta menghindari sebarang bentuk rasuah atau penyelewengan.

Teknologi Terkini




Kerajaan boleh mengambil peluang terhadap perkembangan teknologi terkini bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan efisiensi seperti teknologi *Artificial Intelligence* (AI), teknologi *Internet of Things* (IoT), teknologi *blockchain*, robotik dan lain-lain. Teknologi terkini yang diaplikasikan secara tepat dan berkesan memainkan peranan yang penting dalam mentransformasi perkhidmatan Kerajaan menjadi lebih baik daripada sedia ada dan seterusnya akan memberikan manfaat yang besar kepada rakyat.

Data Berintegriti



Data berintegriti membawa maksud data yang tepat, konsisten dan boleh dipercayai. Data berintegriti amat penting kerana ia memainkan peranan yang kritikal dalam pembuatan keputusan Kerajaan yang tepat dan boleh dipercayai. Selain itu, data yang berintegriti akan membantu organisasi Kerajaan kekal mematuhi peraturan, akta dan undang-undang sedia ada selain menjadi asas kepada keperluan untuk memahami keperluan dan kehendak pelanggan dan pemegang taruh dengan lebih baik.



Nilai HARMONI



Bagi memastikan semua rangka kerja dan tindakan di bawah Kerangka Pelan dapat dilaksanakan dengan jayanya, budaya kerja berteraskan kepada nilai HARMONI seperti yang diperkenalkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hendaklah diterapkan dalam diri semua warga Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi di bawahnya. Nilai-nilai baik ini amat penting untuk dijadikan sebagai panduan dan pegangan semua bagi memastikan visi dan misi CHASE *City* dapat direalisasikan.

H – Hormat

Budaya hormat menghormati memerlukan kita untuk menghargai semua individu tanpa memandang perbezaan.

A- Adil

Nilai adil perlu menjadi komitmen kita semua terhadap layanan yang saksama. Keadilan perlu menjadi cahaya panduan kita.

R – Responsif

Pendekatan responsif ini bermakna tindakan yang dilaksanakan mestilah tepat pada masanya dan berkesan.

M – Mampan

Komitmen kami terhadap kemampanan Wilayah Persekutuan adalah untuk mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik demi generasi masa hadapan.

O – Orientasi Rakyat

Orientasi rakyat dengan memberikan keutamaan kepada keperluan dan kepentingan rakyat.

N – Nilai Empati

Empati adalah kunci penting dalam perkhidmatan awam kerana ia membolehkan kita selami denyut nadi hidup rakyat.

I – Integriti

Integriti adalah asas profesionalisme yang menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam tindakan kita.

The background features a light blue gradient with abstract, semi-transparent geometric shapes. On the left, there are concentric circular patterns in shades of yellow, green, and blue. On the right, a faint, stylized city skyline is visible. The title 'Fokus Tahun 2025' is centered in a bold, dark blue font.

Fokus Tahun 2025

Mesyuarat Hala Tuju Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi yang diadakan dari 17-18 Januari 2025 telah melibatkan kehadiran YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama semua Pengurusan Tertinggi JWP dan Ketua-Ketua Agensi. Mesyuarat yang julung kalinya diadakan ini adalah amat penting serta bertepatan dengan aspirasi Jabatan dan telah mencapai matlamat dan objektif seperti yang diharapkan. Mesyuarat ini menjadi platform penting kepada YB Menteri, JWP dan Agensi bagi membincangkan refleksi pencapaian tahun 2024 serta penetapan hala tuju serta fokus utama JWP dan Agensi untuk tahun 2025 dan tahun-tahun seterusnya. Perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini telah diselaraskan perancangannya dalam Kerangka Pelan Hala Tuju CHASE City ini untuk dilaksanakan bagi tempoh 2025 sehingga 2029.

Melalui mesyuarat ini juga, YB Menteri telah menekankan kepada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian semua dalam melaksanakan tugas:

- i. Mengurangkan kerenah birokrasi dengan melaksanakan “*No Wrong Door Policy*” dan melaksanakan “*Business Process Reengineering*”;
- ii. Melaksanakan “*Synchronised Thinking*” dengan semua Agensi agar berkongsi matlamat yang sama; dan
- iii. Membudayakan “*Creative and Proactive Thinking*” dalam melaksanakan tugas.

Sementara itu, antara intipati penting seperti yang telah dinyatakan oleh YB Menteri pada mesyuarat tersebut adalah berkaitan inisiatif dan program CHASE City bagi tahun 2025 yang perlu lebih diambil perhatian oleh semua Agensi seperti berikut:

Clean City

Meneruskan program-program berkaitan kebersihan seperti program Bersih Setiap Tempat (BeST), penambahbaikan tong sampah serta pewujudan tandas pintar;

Healthy City

Pewujudan *Blueprint* Warga Menua Wilayah Persekutuan (*Ageing Society*), loji sisa kumbahan bagi keselamatan makanan, program dan kempen berkaitan pengurangan gula dalam makanan dan pembudayaan kepada program sukan dan riadah bersama komuniti.

Advance City

Pelaksanaan *Smart* Labuan dan menyokong *data driven decision making* dalam *Putrajaya Urban Observatory* (PUO)/ *Kuala Lumpur Command & Control Centre* (KLCCC).

Safe City

Pelaksanaan *KL Strike Force*, pengintegrasian CCTV swasta kepada KLCCC dan pengenalan semula Polis Pelancong di kawasan strategik.

Eco Friendly City

Penanaman semula pokok-pokok, penambahbaikan taman lama komuniti, program *zero waste* serta menggantikan bangunan atau tapak terbiar kepada taman sementara atau kawasan terbuka.

Penutup

Kerangka Pelan ini merupakan pendekatan tindakan berstrategi berimpak yang dipadankan dengan Naratif Ekonomi MADANI dan dibangunkan untuk menangani pelbagai cabaran dan ketidaktentuan persekitaran global dan domestik yang mempengaruhi ekonomi dan sosioekonomi di Wilayah Persekutuan. Langkah kelangsungan ekonomi dan sosioekonomi bagi Wilayah Persekutuan telah dirancang untuk dilaksanakan bagi menangani isu-isu yang memberi kesan langsung kepada rakyat dan ekonomi di Wilayah Persekutuan.

Hal ini bermakna menjadi tanggungjawab kepada jentera pentadbiran Wilayah Persekutuan yang dikemudi oleh Jabatan Wilayah Persekutuan memastikan usaha-usaha tindakan di bawah Kerangka Pelan perlu dapat melengkapi dan memenuhi keperluan kerangka ekonomi dan sosioekonomi yang memberi manfaat kepada rakyat Wilayah Persekutuan.

Jabatan Wilayah Persekutuan tidak berkeseorangan dalam pelaksanaan semua usaha-usaha ini. Pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation approach*) adalah pendekatan yang akan diambil kira dalam melaksanakan semua inisiatif yang dirancang. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif akan melibatkan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan, industri, masyarakat, komuniti dan individu dalam melaksanakan sesuatu misi bagi mencapai matlamat yang sama. Pendekatan ini penting dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan dapat dicapai serta memastikan bahawa semua pihak mendapat manfaat secara bersama.



CHASE CITY
WILAYAH PERSEKUTUAN







**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Jabatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri**

Blok 1 & Blok 2, Menara Seri Wilayah Presint 2,
62100 Putrajaya, MALAYSIA

+603 - 8000 8000 | +603 - 8889 7957
www.jwp.gov.my